

05 AUG 2001

Hishammuddin-Meritokrasi

PEMBANGKANG DIMINTA TIDAK POLITIKKAN MERITOKRASI

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Parti pembangkang diminta turut menyumbang cadangan cara meningkatkan prestasi pelajar Melayu dengan tidak mempolitikkan cadangan kerajaan untuk melaksanakan dasar meritokrasi bagi kemasukan pelajar Melayu ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata kemerosotan pencapaian pelajar Melayu di IPTA perlu diatasi dengan segera.

"Kalau pembangkang ikhlas ingin membela nasib anak bangsa, jangan politikkan perkara ini dan mesti bersungguh-sungguh bersama kita kerana jelas prestasi pelajar kita merosot sedangkan mereka perlu bersaing dalam dunia sekarang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan larian Towerthon Antarabangsa 2001 Menara Kuala Lumpur di sini hari ini.

Beliau berkata Pemuda Umno tidak menentang cadangan pelaksanaan meritokrasi untuk kemasukan ke IPTA berdasarkan prestasi akademik tetapi mahu pelaksanaannya diteliti dalam memastikan pencapaian pelajar Melayu mencapai tahap yang dibanggakan.

Katanya Pemuda Umno bersetuju dengan apa yang dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai kebimbangannya terhadap kemerosotan pencapaian pelajar Melayu dan memerlukan pendekatan menyeluruh bagi meningkatkan prestasi itu.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno akan menjelaskan cadangan pelaksanaan meritokrasi itu kepada anggota parti Rabu ini, katanya.

Pemuda Umno sebelum ini dilaporkan mahu kerajaan menimbang cadangan pelaksanaan dasar meritokrasi itu kerana sistem kuota kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA masih diperlukan.

Mengenai kekecohan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Pemuda MCA pada Jumaat lepas, Hishammuddin yang juga Pengerusi Pemuda Barisan Nasional (BN) berkata tindakan segelintir pihak yang mencetuskan kekecohan itu boleh menjejaskan sebahagian besar anggota yang berjuang untuk parti dan negara secara bersungguh-sungguh.

"Pemuda MCA perlu membuat penelitian dan belajar dari pengalaman ini supaya budaya seperti ini tidak diteruskan, saya juga sedih, kesal dan harap menjadi pengajaran kepada Pemuda MCA dan pemuda-pemuda parti komponen BN," katanya.

Katanya Pemuda MCA telah memberi jaminan memastikan kejadian yang boleh menjejaskan imej BN tidak akan berulang.

-- BERNAMA

RZS AZZ LAT